

Lantikan cara paling sesuai bagi jawatan ahli majlis PBT

UM 28 OCT 2003

PUTRAJAYA 27 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kaedah lantikan masih merupakan cara yang paling sesuai untuk memilih ahli-ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berbanding kaedah pemilihan atau pengundian.

Perdana Menteri berkata, penggunaan kaedah pengundian hanya akan menyebabkan terlalu banyak tumpuan diberikan kepada politik kepartian sehingga PBT tidak dapat memberikan perkhidmatan atau menggalakkan perniagaan.

“Saya berpendapat antara pelantikan dan pemilihan, lebih baik pelantikan, kerana saya sendiri biasa berkempen dalam pilihan raya PBT, perbincangan dalam kempen bukannya mengenai hal-hal perbandaran tetapi politik umum, mengenai politik parti di peringkat kebangsaan.

“Parti itu kata ini dia parti Pas, ini UMNO, ini DAP, dia bukan peduli pasal PBT, tak bercakap pasal perniagaan atau perkhidmatan yang lebih baik, dia tak berminat dengan politik PBT pun.

“Jadi kita perlu pisahkan politik daripada beberapa fungsi kerajaan, jika tidak tumpuan hanya diberikan kepada politik sahajalah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya oleh pemberita mengenai perkara tersebut, selepas majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbendaharaan Tahun 2002 di Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedar pegawai dan ahli majlis PBT yang tidak cekap dan mengamalkan rasuah mencemarkan nama kerajaan tetapi jalan lain perlu dicari bagi memastikan para pegawai itu terus menunjukkan prestasi yang diharapkan.

“Benar, dalam jangka masa panjang, mereka (pegawai yang korup) sebenarnya memusnahkan populariti kerajaan dan mereka membuat banyak kerosakan kepada kerajaan dengan cara mereka yang korup dan tidak efisien.

“Jadi kita harus mencari jalan untuk memastikan sekiranya mereka tidak boleh menjalankan tugas, kita boleh menyingkirkan mereka.

“PBT berada di bawah kerajaan negeri, jadi kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan kerajaan Pusat kerana ia ada kuasa penguatkuasaan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, negara juga akan memperoleh pendapatan lebih tinggi sekiranya para pegawai kerajaan termasuk PBT menjalankan tugas mereka dengan lebih cekap, beramanah dan tidak korup.

Bagaimanapun, katanya, masalah penyelewengan dan rasuah merupakan satu masalah yang bukan sahaja dihadapi di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain termasuk negara maju.

“Saya tahu ada satu negara maju yang tidak dapat kutip cukai korporat mereka, kerana bermacam-macam alasan yang diberikan untuk tidak membayarnya,” katanya.